

29/01/2004

Kementerian sedia hantar tentera sekat penyeludupan ayam

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan sedia memberi bantuan dengan menempatkan anggota tentera di sempadan Malaysia-Thailand dalam usaha mencegah penyeludupan ternakan ayam dari negara jiran itu.

Ia selaras dengan keputusan kerajaan yang mengharamkan kemasukan ayam dari Thailand sebagai langkah mengesan serta mencegah wabak selesema burung yang melanda negara berkenaan dan sembilan negara Asia yang lain.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal, berkata bagaimanapun sehingga kini pihaknya tidak menerima sebarang permohonan rasmi daripada Kementerian Kesihatan atau agensi lain yang dipertanggungjawab menangani masalah berkenaan.

"Memanglah kita tidak terbabit secara langsung dalam pelaksanaan mencegah aktiviti penyeludupan ayam berkenaan, namun apabila diminta, anggota tentera yang berada di sempadan bila-bila masa akan diarah memberi bantuan.

"Malah, buat masa ini pun kita masih dan sedang menjalankan operasi bersama tentera Thailand di sempadan," katanya pada sidang media selepas menerima sumbangan bagi Tabung Rayuan Hari Pahlawan di sini, semalam.

Berita Harian difahamkan pihak berkuasa di sempadan mengadakan kawalan dan pemantauan 24 jam serta memeriksa lori yang keluar masuk dari negara jiran.

Pada majlis itu, Mohd Shafie yang juga pengerusi tabung berkenaan, menerima cek bernilai RM28,640 daripada wakil pelukis serta artis, Ismail Latiff dengan disaksikan Naib Presiden Maybank, Datuk Richard Ho.

Kutipan berkenaan adalah hasil penjualan beberapa lukisan pelukis yang menyertai pameran 'Imajan dan Suara Kemerdekaan' anjuran bersama Kumpulan Maybank dan Anugerah Gallery Sdn Bhd di Menara Maybank, Ogos tahun lalu.

Pameran yang dirasmikan Tun Dr Mahathir Mohamad, 6 Ogos itu membariskan hasil karya 107 lukisan dan sajak yang dipamerkan Balai Seni Menara Maybank.

Pameran berkenaan berlangsung selama sebulan mulai 6 Ogos hingga 5 September tahun lalu.